

Konsep EAEC perlu terus diperkukuh: PM

Oleh Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta negara Asia Timur meningkatkan kerjasama lebih erat di samping memperkukuhkan lagi Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) bagi menikmati kecemerlangan dan mengelak sebarang kemungkinan kejatuhan ekonomi pada masa depan.

Perdana Menteri berkata, meskipun Asia Timur sudah mengecapi kejayaan dan membuktikan peningkatan serta kemajuan yang teguh dan berdaya tahan, keadaan masa depan masih belum menentu.

“Malapetaka dan bencana mungkin terjadi walaupun kepada negara yang mempunyai rekod yang cemerlang. Jepun, adalah contoh pada masa ini. Oleh itu, adalah penting negara Asia Timur meningkatkan kerjasama lebih erat dan bersepadu.

“Konsep EAEC pula mesti terus diperkukuhkan. Seperti yang saya tegaskan sebelum ini, EAEC adalah selaras dengan Perjanjian Am Mengenai Perdagangan dan Tarif (GATT) dan berusaha ke arah perdagangan bebas.

“EAEC bermatlamat mencapai konsep rantau terbuka. Ia menyedari keperluan mewujudkan kerjasama dan integrasi serantau di samping mempromosi perdagangan bebas,” katanya.

Dr Mahathir berkata, negara Asia Timur mesti bekerjasama kerana keperluan untuk mengimbangi perkumpulan serantau di merata dunia semakin nyata.

“Secara bersendirian, tiada negara Asia yang mampu menandingi kumpulan yang dibentuk di Eropah dan Amerika Utara,” katanya ketika merasmikan Simposium Kerjasama Perniagaan Lingkungan Pasifik, di sini malam ini.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, tiada pihak yang patut berasa takut dengan sebarang perkumpulan Asia kerana masyarakat Asia tidak akan menyatukan sempadan mereka.

“Masyarakat Eropah dan Amerika Utara adalah serupa antara satu sama lain berbanding masyarakat Asia. Di Asia Timur kita bukan saja berbeza dari segi bangsa malah dipisahkan menerusi kebudayaan, bahasa dan agama.

“Oleh itu, idea menyatukan sempadan masyarakat Asia adalah satu perkara yang tidak dapat diterima akal,” katanya.

Dr Mahathir menegaskan, EAEC adalah susulan paling bermakna bagi interaksi ekonomi di Asia Timur sele-

LIHAT MUKA 2

BIT 111 5 DEC 1993

Konsep EAEC perlu diperkukuh

DARI MUKA 1

pas Perang Dunia Kedua.

"EAEC adalah baik untuk kerajaan di Asia Timur yang mahu negara mereka menikmati kejayaan ekonomi.

"Ia juga baik untuk masyarakat usahawan di rantau ini.

"Apa yang usahawan rantau ini mahukan lagi, selain untuk meluaskan perdagangan mereka melepasi sempadan negara sendiri," katanya.

Mengenai perkembangan dasar di negara ini, Dr Mahathir memberi jaminan bahawa Malaysia akan terus mempertahankan dasar ekonomi dan program pembangunan yang lebih liberal.

"Dasar kami akan sentiasa konsisten, boleh dijangka dan telus," katanya.

Mengenai kejayaan Asia Timur di bidang ekonomi, Dr Mahathir menegaskan ia bukan dicapai secara kebetulan, sebaliknya ia adalah hasil kerja keras disertai dengan etika kerja yang seimbang dengan kesejahteraan industri dan produktiviti yang tinggi.